

SAHAR (tengah, baju biru) bersama ahli Kadet Bomba SMK Pantai yang meraih dua emas di Perkhemahan Kadet Bomba dan Penyelamat Peringkat Negeri.

Kadet Bomba SMK Pantai raih dua emas

LABUAN: SMK Pantai IB World School memenangi dua emas dan satu gangsa dalam Perkhemahan Kadet Bomba dan Penyelamat Peringkat Negeri, Wilayah Persekutuan Labuan yang diadakan di Kolej Matrikulasi Labuan, baru-baru ini.

Sekolah itu memenangi pingat emas dalam Pertandingan Kuiz Kebombaan dan Kawat Operasi Hos Kering Lelaki.

Manakala dalam Pertandingan ikatan dan simpulan, SMK Pantai memenangi pingat gangsa.

SMK Mutiara, kedua SMK Taman Perumahan Bedaun dan ketiga SMK Pantai IB World School.

Tempat ketiga bagi SMK Pantai menepati tagline sekolah iaitu 'SMK Pantai Menjulung Nama, Sorakan 123'.


Majlis penutupan perkhemahan itu disempurnakan oleh Pengarah Bomba dan Penyelamat Labuan Zainal Madasin.

Turut hadir, Ketua Unit Beruniform Jabatan Pendidikan Labuan, Aminuddin

Pengarah Pendidikan Labuan Raisin Saidin.

Selain Sahar, program itu turut dihadiri Pengetua SM St Anthony Dona Undoh, Pengetua SMK Taman Perumahan Bedaun Jijah Mohammad Suhai di samping Penolong Kanan Kokurikulum sekolah menengah juga hadir termasuk dari Sekolah Menengah Agama MAWIP.

Sahar mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada guru dan ahli Kadet Bomba SMK Pantai yang menyertai perkhemahan itu pada tahun



SAHAR (tengah, baju biru) bersama ahli Kadet Bomba SMK Pantai yang meraih dua emas di Perkhemahan Kadet Bomba dan Penyelamat Peringkat Negeri.

Kadet Bomba SMK Pantai raih dua emas

LABUAN: SMK Pantai IB World School memenangi dua emas dan satu gangsa dalam Perkhemahan Kadet Bomba dan Penyelamat Peringkat Negeri, Wilayah Persekutuan Labuan yang diadakan di Kolej Matrikulasi Labuan, baru-baru ini.

Sekolah itu memenangi pingat emas dalam Pertandingan Kuiz Kebombaan dan Kawat Operasi Hos Kering Lelaki.

Manakala dalam Pertandingan ikatan dan simpulan, SMK Pantai memenangi pingat gangsa.

Juara keseluruhan ialah

SMK Mutiara, kedua SMK Taman Perumahan Bedaun dan ketiga SMK Pantai IB World School.

Tempat ketiga bagi SMK Pantai menepati tagline sekolah iaitu 'SMK Pantai Menjulung Nama, Sorakan 123'.

Majlis penutupan perkhemahan itu disempurnakan oleh Pengarah Bomba dan Penyelamat Labuan Zainal Madasin.

Turut hadir, Ketua Unit Beruniform Jabatan Pendidikan Labuan Aminuddin Abd Malik, yang mewakili

Pengarah Pendidikan Labuan Raisin Saidin.

Selain Sahar, program itu turut dihadiri Pengetua SM St Anthony Dona Undoh, Pengetua SMK Taman Perumahan Bedaun Jijah Mohammad Suhai di samping Penolong Kanan Kokurikulum sekolah menengah juga hadir termasuk dari Sekolah Menengah Agama MAWIP.

Sahar mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada guru dan ahli Kadet Bomba SMK Pantai yang menyertai perkhemahan itu pada tahun ini.